

HADR SULAWESI HARI KEEMPAT DITERUSKAN DARI JAKARTA TERUS KE PALU

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3974-hadr-sulawesi-hari-keempat-diteruskan-dari-jakarta-terus-ke-palu

INDONESIA, 7 Oktober 18 - Misi bantuan kemanusiaan hari keempat diteruskan lagi oleh pasukan TUDM melibatkan aturgerak pesawat A400M. Pada hari keempat ini, pasukan TUDM telah ditugaskan untuk membawa 4 kali tandas mudah alih, 1 kali lori tangki minyak Jakarta Pertamina Energidan khemah. Kesemua muatan lebih 15 tan ini telah dihantar terus dari Jakarta ke Palu memandangkan landasan kapal terbang disana telah selamat digunakan bagi penghantaran misi bantuan melibatkan pesawat A400M.

Turut serta untuk misi pada hari ini adalah wakil Duta Besar Malaysia di Jakarta iaitu En Zamshari bin Shaharan bersama beberapa pegawai-pegawai dan staf kedutaan Malaysia disana.



